



4 Julai 2014
4 July 2014
P.U. (A) 195

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERSAINGAN (PENGECUALIAN BLOK BAGI
PERJANJIAN PERKONGSIAN VESEL DAN PERJANJIAN
PERBINCANGAN SUKARELA BERKENAAN DENGAN
PERKHIDMATAN PELAYARAN TETAP) 2014

*COMPETITION (BLOCK EXEMPTION FOR VESSEL SHARING
AGREEMENTS AND VOLUNTARY DISCUSSION AGREEMENTS
IN RESPECT OF LINER SHIPPING SERVICES)
ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERSAINGAN 2010

PERINTAH PERSAINGAN (PENGECUALIAN BLOK BAGI PERJANJIAN PERKONGSIAN VESEL DAN PERJANJIAN PERBINCANGAN SUKARELA BERKENAAN DENGAN PERKHIDMATAN PELAYARAN TETAP) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Persaingan 2010 [Akta 712], Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Persaingan (Pengecualian Blok bagi Perjanjian Perkongsian Vesel dan Perjanjian Perbincangan Sukarela berkenaan dengan Perkhidmatan Pelayaran Tetap) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2014.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

"pengendali pelayaran tetap" ertinya suatu perusahaan yang—

(a) menyediakan perkhidmatan pelayaran tetap; dan

(b) merupakan suatu pihak kepada suatu Perjanjian Perkongsian Vesel atau Perjanjian Perbincangan Sukarela;

"Perjanjian Perbincangan Sukarela" ertinya suatu perjanjian antara pengendali-pengendali pelayaran tetap yang pihak kepada perjanjian itu boleh saling bertukar dan mengkaji semula isu komersial yang berhubungan dengan data pasaran, ramalan penawaran dan permintaan, aliran perdagangan antarabangsa dan arah aliran industri, dan garis panduan sukarela dan yang tidak terikat;

“Perjanjian Perkongsian Vesel” ertinya suatu perjanjian antara pengendali-pengendali pelayaran tetap yang pihak kepada perjanjian itu hanya boleh membincangkan dan bersetuju mengenai perkiraan pengendalian yang berhubungan dengan penyediaan perkhidmatan pelayaran tetap, termasuk penyelarasan atau pengendalian bersama perkhidmatan vesel, dan pertukaran atau pencarteran ruang vesel;

“perkhidmatan pelayaran tetap” ertinya apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali pelayaran tetap kepada mana-mana pengguna pengangkutan atas bayaran bagi pengkontenaan barangan dan pengangkutan berjadual bagi barangan terkontena, atau pengangkutan barangan berjadual lain, oleh pengangkutan laut secara tetap—

- (a) melalui mana-mana laluan tertentu di antara pelabuhan; dan
- (b) mengikut jadual dan tarikh pelayaran yang dijadikan tersedia dan diiklankan terlebih dahulu,

tetapi tidak termasuk perkiraan carter keseluruhan vesel dengan mana-mana pengguna pengangkutan seperti suatu kapal tangki dan perkhidmatan vesel pukal.

Pengecualian blok

3. Perjanjian Perkongsian Vesel dan Perjanjian Perbincangan Sukarela diberikan suatu pengecualian blok dan dikecualikan daripada larangan di bawah seksyen 4 Akta.

Tempoh pengecualian blok

4. Tempoh bagi pengecualian blok yang diberikan di bawah perenggan 3 adalah selama tiga tahun bermula dari tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini.

Syarat pengecualian blok

5. Pengecualian blok yang diberikan di bawah perenggan 3 adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) berhubung dengan suatu Perjanjian Perkongsian Vesel, perjanjian itu—
- (i) hendaklah hanya bagi perkongsian vesel, pengendalian bersama bagi perkhidmatan vesel, atau pertukaran atau pencarteran ruang vesel, antara pengendali-pengendali pelayaran tetap;
 - (ii) tidak boleh termasuk apa-apa pengangkutan barangan pedalaman yang merupakan sebahagian daripada pengangkutan terus seperti perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia logistik, penghantar, pengendali depot, pemandu lori, pengendali kereta api, penyedia perkhidmatan kemudahan penyatuan luar dok, dan penyedia perkhidmatan penyimpanan luar dok dan pergudangan;
 - (iii) hendaklah bagi suatu tempoh yang munasabah;
 - (iv) tidak boleh mengandungi apa-apa unsur penetapan harga, pengesyoran harga atau pengenaan tarif, oleh mana-mana orang ke atas pengguna pengangkutan;
 - (v) tidak boleh menghendaki penzahiran apa-apa maklumat sulit berkenaan dengan perkiraan bagi perkhidmatan pelayaran tetap kepada mana-mana pengguna pengangkutan oleh mana-mana pengendali pelayaran tetap; dan
 - (vi) hendaklah membenarkan setiap pengendali pelayaran tetap untuk membuat apa-apa kontrak sulit dan untuk menawarkan apa-apa perkiraan dan harga bagi perkhidmatan pelayaran tetapnya; dan

- (b) berhubung dengan suatu Perjanjian Perbincangan Sukarela, perjanjian itu—
- (i) hendaklah hanya bagi perkongsian maklumat yang berhubungan dengan industri perkapalan dan tidak terikat ke atas pengendali-pengendali pelayaran tetap itu;
 - (ii) tidak boleh termasuk apa-apa pengangkutan barangan pedalaman yang merupakan sebahagian daripada pengangkutan terus seperti perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia logistik, penghantar, pengendali depot, pemandu lori, pengendali kereta api, penyedia perkhidmatan kemudahan penyatuan luar dok, dan penyedia perkhidmatan penyimpanan luar dok dan pergudangan;
 - (iii) hendaklah bagi suatu tempoh yang munasabah;
 - (iv) tidak boleh mengandungi apa-apa unsur penetapan harga, pengesyoran harga atau pengenaaan tarif, oleh mana-mana orang ke atas pengguna pengangkutan;
 - (v) tidak boleh mengenakan apa-apa penalti ke atas mana-mana pengendali pelayaran tetap yang menyimpang daripada apa-apa terma perjanjian itu atau menarik diri daripada perjanjian itu;
 - (vi) hendaklah membenarkan mana-mana pengendali pelayaran tetap untuk menarik diri daripada perjanjian itu dengan memberikan notis dalam tempoh yang munasabah kepada pengendali pelayaran tetap yang lain;
 - (vii) tidak boleh menghendaki penzahiran apa-apa maklumat sulit berkenaan dengan perkiraan bagi perkhidmatan pelayaran tetap kepada mana-mana pengguna pengangkutan oleh mana-mana pengendali pelayaran tetap; dan

- (viii) hendaklah membenarkan setiap pengendali pelayaran tetap untuk membuat apa-apa kontrak sulit dan untuk menawarkan apa-apa perkiraan dan harga bagi perkhidmatan pelayaran tetapnya.

Obligasi di bawah pengecualian blok

6. (1) Sesalinal Perjanjian Perkongsian Vesel dan Perjanjian Perbincangan Sukarela hendaklah difailkan oleh salah seorang daripada pengendali-pengendali pelayaran tetap itu dengan Suruhanjaya dalam masa dua minggu dari tarikh ditandatangani.

(2) Jika apa-apa perubahan atau pindaan dibuat kepada Perjanjian Perkongsian Vesel atau Perjanjian Perbincangan Sukarela selepas pemfailan perjanjian itu di bawah subperenggan (1), salah seorang daripada pengendali-pengendali pelayaran tetap itu hendaklah memfailkan perubahan atau pindaan itu secara bertulis dengan Suruhanjaya dalam masa dua minggu dari tarikh perubahan atau pindaan itu.

(3) Jika perubahan atau pindaan yang disebut dalam subperenggan (2) tidak dibuat secara bertulis, salah seorang daripada pengendali-pengendali pelayaran tetap itu hendaklah memfailkan dengan Suruhanjaya suatu memorandum yang memberikan perihalan terperinci mengenai perubahan atau pindaan itu dalam masa dua minggu dari tarikh perubahan atau pindaan itu.

(4) Apabila diminta oleh Suruhanjaya, pengendali pelayaran tetap hendaklah menjadikan tersedia kepada Suruhanjaya apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan perkhidmatan pelayaran tetap atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh pengendali pelayaran tetap itu di bawah Perjanjian Perkongsian Vesel atau Perjanjian Perbincangan Sukarela dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) Apabila diminta oleh mana-mana pengguna pengangkutan mengenai apa-apa maklumat berkenaan dengan harga atau tarif bagi perkhidmatan pelayaran tetap, atau struktur dan tahap perkhidmatan bagi perkhidmatan pelayaran tetap itu,

di bawah Perjanjian Perkongsian Vesel dan Perjanjian Perbincangan Sukarela, pengendali pelayaran tetap hendaklah menjadikan tersedia maklumat itu—

- (a) di pejabat pengendali pelayaran tetap itu atau ejennya di Malaysia; dan
- (b) di laman sesawang internet yang tersedia kepada umum.

Pembatalan pengecualian blok

7. (1) Suruhanjaya boleh, dengan notis secara bertulis kepada pengendali pelayaran tetap, membatalkan pengecualian blok yang diberikan di bawah perenggan 3 jika—

- (a) terdapat suatu pelanggaran apa-apa syarat yang dikenakan di bawah perenggan 5;
- (b) terdapat suatu kegagalan untuk mematuhi apa-apa obligasi yang dikenakan di bawah perenggan 6; atau
- (c) Suruhanjaya berpendapat bahawa Perjanjian Perkongsian Vesel atau Perjanjian Perbincangan Sukarela itu adalah bukan suatu perjanjian yang baginya seksyen 5 Akta terpakai.

(2) Pembatalan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subperenggan (1) hendaklah berkuat kuasa—

- (a) dalam hal subsubperenggan (1)(a) atau (b), dari tarikh pelanggaran syarat atau kegagalan mematuhi obligasi yang dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) dalam hal subsubperenggan (1)(c), dari tarikh yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam notis itu.

Peruntukan peralihan

8. Dalam hal suatu Perjanjian Perkongsian Vesel atau Perjanjian Perbincangan Sukarela yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, salah satu pihak kepada perjanjian itu hendaklah memfailkan—

- (a) sesalinan perjanjian itu;
- (b) perubahan atau pindaan yang dibuat kepada perjanjian itu, jika ada; dan
- (c) jika perubahan atau pindaan perjanjian yang disebut dalam subsubperenggan (b) tidak dibuat secara bertulis, suatu memorandum yang memberikan perihalan terperinci mengenai perubahan atau pindaan perjanjian itu,

dengan Suruhanjaya dalam masa dua bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini.

Dibuat 30 Jun 2014
[KPDN(BUU)26/5/71; PN(PU2)724]

TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB
Pengerusi
Suruhanjaya Persaingan

COMPETITION ACT 2010

COMPETITION (BLOCK EXEMPTION FOR VESSEL SHARING AGREEMENTS AND
VOLUNTARY DISCUSSION AGREEMENTS IN RESPECT OF LINER SHIPPING SERVICES)
ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Competition Act 2010 [Act 712], the Commission makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Competition (Block Exemption for Vessel Sharing Agreements and Voluntary Discussion Agreements in respect of Liner Shipping Services) Order 2014**.

(2) This Order comes into operation on 7 July 2014.

Interpretation

2. In this Order—

“liner operator” means an enterprise which—

(a) provides liner shipping services; and

(b) is a party to a Vessel Sharing Agreement or Voluntary Discussion Agreement;

“liner shipping services” means any service provided by a liner operator to any transport user upon payment for the containerization of goods and scheduled transport of the containerized goods, or other scheduled transport of goods, by an ocean transport on a regular basis—

(a) through any particular route between ports; and

(b) in accordance with timetables and sailing dates which are made available and advertised in advance,

but shall not include full vessel chartering arrangements with any transport user such as a tanker and bulk vessel services;

“Vessel Sharing Agreement” means an agreement between liner operators in which the parties to such agreement shall only discuss and agree on operational arrangements relating to the provision of liner shipping services, including the coordination or joint operation of vessel services, and the exchange or charter of vessel space;

“Voluntary Discussion Agreement” means an agreement between liner operators in which the parties to such agreement may exchange and review commercial issues relating to market data, supply and demand forecasts, international trade flows and industry trends, and voluntary and non-binding guidelines.

Block exemption

3. A Vessel Sharing Agreement and Voluntary Discussion Agreement are granted a block exemption and are exempted from the prohibition under section 4 of the Act.

Duration of block exemption

4. The duration of the block exemption granted under paragraph 3 shall be for three years commencing from the date of coming into operation of this Order.

Conditions of block exemption

5. The block exemption granted under paragraph 3 is subject to the following conditions:

(a) in relation to a Vessel Sharing Agreement, the agreement—

(i) shall only be for the sharing of vessels, joint operation of vessel services, or exchange or charter of vessel space, between the liner operators;

- (ii) shall not include any inland carriage of goods which is part of through transport such as the services provided by logistics providers, forwarders, depot operators, truckers, railroaders, off-dock consolidation facility service providers, and off-dock storage and warehousing service providers;
 - (iii) shall be for a reasonable period of time;
 - (iv) shall not contain any element of price fixing, price recommendation or tariff imposition, by any person on transport users;
 - (v) shall not require the disclosure of any confidential information concerning the liner shipping service arrangements to any transport user by any liner operator; and
 - (vi) shall allow each liner operator to enter into any confidential contract and to offer any arrangement and pricing of its liner shipping services; and
- (b) in relation to a Voluntary Discussion Agreement, the agreement—
- (i) shall only be for the sharing of information relating to the shipping industry and shall not be binding on the liner operators;
 - (ii) shall not include any inland carriage of goods which is part of through transport such as the services provided by logistics providers, forwarders, depot operators, truckers, railroaders, off-dock consolidation facility service providers, and off-dock storage and warehousing service providers;
 - (iii) shall be for a reasonable period of time;

- (iv) shall not contain any element of price fixing, price recommendation or tariff imposition, by any person on transport users;
- (v) shall not impose any penalty on any liner operator which deviates from any term of the agreement or withdraws from the agreement;
- (vi) shall allow any liner operator to withdraw from the agreement by giving notice within a reasonable period to the other liner operators;
- (vii) shall not require the disclosure of any confidential information concerning the liner shipping service arrangements to any transport user by any liner operator; and
- (viii) shall allow each liner operator to enter into any confidential contract and to offer any arrangement and pricing of its liner shipping services.

Obligation under block exemption

6. (1) A copy of a Vessel Sharing Agreement and Voluntary Discussion Agreement shall be filed by one of the liner operators with the Commission within two weeks from the date of signing.

(2) Where any variation or amendment is made to a Vessel Sharing Agreement or Voluntary Discussion Agreement after the filing of the agreement under subparagraph (1), one of the liner operators shall file the variation or amendment in writing with the Commission within two weeks from the date of the variation or amendment.

(3) Where the variation or amendment referred to in subparagraph (2) is not made in writing, one of the liner operators shall file with the Commission a memorandum providing a detailed description of the variation or amendment within two weeks from the date of variation or amendment.

(4) Upon request by the Commission, a liner operator shall make available to the Commission any document or information relating to the liner shipping services or other services provided by the liner operator under the Vessel Sharing Agreement or Voluntary Discussion Agreement in such form and manner and within such period as determined by the Commission.

(5) Upon request by any transport user of any information concerning pricing or tariff of the liner shipping services, or the structure and service level of the liner shipping services, under the Vessel Sharing Agreement and Voluntary Discussion Agreement, a liner operator shall make available such information—

(a) at the offices of the liner operator or its agents in Malaysia; and

(b) at a publicly available internet website.

Cancellation of block exemption

7. (1) The Commission may, by notice in writing to the liner operators, cancel the block exemption granted under paragraph 3 if—

(a) there is a breach of any condition imposed under paragraph 5;

(b) there is a failure to comply with any obligation imposed under paragraph 6; or

(c) the Commission considers that the Vessel Sharing Agreement or Voluntary Discussion Agreement is not an agreement to which section 5 of the Act applies.

(2) The cancellation made by the Commission under subparagraph (1) shall take effect—

(a) in the case of subparagraph (1)(a) or (b), from the date of the breach of the condition or the failure to comply with the obligation imposed, as the case may be; and

(b) in the case of subparagraph (1)(c), from the date as the Commission may specify in the notice.

Transitional provision

8. In the case of a Vessel Sharing Agreement or Voluntary Discussion Agreement subsisting immediately before the date of coming into operation of this Order, one of the parties to the agreement shall file—

(a) a copy of the agreement;

(b) the variation or amendment made to the agreement, if any; and

(c) if the variation or amendment of the agreement referred to in subparagraph (b) was not made in writing, a memorandum providing a detailed description of the variation or amendment of the agreement,

with the Commission within two months from the date of coming into operation of this Order.

Made 30 June 2014
[KPDN(BUU)26/5/71; PN(PU2)724]

TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB
Chairman
Competition Commission